

## Kumpulan JCorp Meraih Keuntungan

*Peningkatan Keuntungan Selepas Cukai Melebihi 100% Bagi TK2021*

**KUALA LUMPUR, 2 Ogos 2022** – Kumpulan Johor Corporation (JCorp) hari ini mengumumkan laporan kewangan beraudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021 (TK2021). JCorp mencatatkan prestasi cemerlang untuk tahun yang dilaporkan, dengan lonjakan keuntungan selepas cukai melebihi 100% kepada RM379 juta, berbanding kerugian selepas cukai sebanyak RM237 juta yang direkodkan pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020 (TK2020). Pencapaian ini adalah bersandarkan pada jumlah pendapatan sebanyak RM5.13 bilion, iaitu peningkatan sebanyak 19% berbanding RM4.3 bilion pada TK2020.

Prestasi kewangan tahunan Kumpulan yang cemerlang disumbang oleh segmen Agribisnes yang mencatatkan pendapatan yang lebih tinggi ekoran peningkatan harga minyak sawit mentah dan isirung sawit. Di samping itu, segmen Kesejahteraan & Kesihatan turut merekodkan peningkatan pendapatan yang lebih kukuh daripada aktiviti bisnes hospital, terutamanya dengan pertambahan jumlah pesakit, serta pelaksanaan langkah-langkah pengoptimuman kos di segenap segmen bisnesnya. Sementara itu, segmen Hartanah & Infrastruktur pula menyumbang kepada pendapatan Kumpulan menerusi pelbagai produk hartanah serta jualan tanah industri.

Dari aspek pengukuhan kedudukan kewangannya, Kumpulan juga merekodkan peningkatan jumlah aset bersih sebanyak 6% pada TK2021 berbanding TK2020 hasil daripada peningkatan ketara dalam keuntungan operasi, meskipun terdapat peruntukan dan susutnilai berjumlah RM250 juta sepanjang TK2021. Syarikat-syarikat pelaburan utama JCorp turut menyumbang kepada pendapatan JCorp dalam bentuk dividen walaupun berhadapan dengan pelbagai halangan dan cabaran ekonomi.



Segmen Agribisnes merekodkan hasil berjumlah RM1.65 bilion, peningkatan ketara sebanyak 49% berbanding TK2020, manakala segmen Kesejahteraan & Kesihatan memperolehi pertumbuhan pendapatan sebanyak 10%. Kesan daripada ketidaktentuan pasaran, segmen Hartanah & Infrastruktur mencatatkan pendapatan yang lebih rendah berbanding TK2020. Namun begitu, ia diimbangi dengan jualan tanah industri di *Tanjung Langsat Industrial Complex, Muar Furniture Park* dan *Sedenak Technology Park*. Segmen Makanan & Restoran turut menyumbang secara signifikan kepada pencapaian kewangan Kumpulan dengan mencatatkan pendapatan lebih tinggi yang didorong oleh peralihan pantas kepada e-dagang, menu yang sentiasa diperbaharui serta saluran penghantaran yang lebih baik.

Datuk Syed Mohamed Syed Ibrahim, Presiden dan Ketua Eksekutif Johor Corporation berkata, “Seiring dengan pembudayaan “norma baharu”, pelan penciptaan semula (‘reinvention’) JCorp 3.0 telah memacu usaha menetapkan semula (‘reset’) dan mengimajinasi semula (‘reimagine’) untuk memperkuatkannya JCorp sebagai sebuah institusi kalis masa hadapan (‘future-proof’) yang berdaya tahan, tangkas dan mampan.”

“Kejayaan pelaksanaan yang dibentuk menerusi pelan penciptaan semula (‘reinvention’) JCorp 3.0 telah meraih pencapaian yang memberangsangkan sebagaimana yang dapat dilihat menerusi pendapatan bagi tahun fiskal 2021 walaupun menghadapi suasana VUCA yang sangat mencabar.”

“Selaras dengan perjalanan penciptaan semula, sepanjang tahun ini, kami telah memanfaatkan transformasi digital sepenuhnya sekali gus memudahkan proses untuk membuat keputusan. Ini turut dipandu oleh sudut pandang bisnes yang dijana oleh analisis data berdasarkan teknologi terkini seperti platform awan (*‘Cloud’*), kecerdasan buatan (*‘artificial intelligence’*), blok rantai (*‘BlockChain’*) dan pembelajaran mesin (*‘machine learning’*),” tambah Datuk Syed.

“Dengan barisan kepimpinan yang mantap, beserta kemahiran dan pengalaman yang mendalam untuk memacu JCorp ke hadapan, kami yakin dengan keupayaan JCorp untuk meningkatkan kelestarian bisnes dengan nilai yang lebih tinggi,” ujar beliau lagi.

Prestasi yang memberangsangkan ini antaranya didorong oleh pelan penciptaan semula JCorp yang berterusan. JCorp telah diberi penarafan AAA/stabil oleh RAM Ratings untuk Program Nota Jangka Sederhana Islamik (“Sukuk Wakalah”) berjumlah RM3.5 bilion pada suku pertama 2022, mencerminkan kedudukan kewangannya yang teguh.

+++

## **MENGENAI JOHOR CORPORATION**

Johor Corporation (JCorp) merupakan institusi pembangunan dan pemangkin ekonomi utama Negeri Johor dengan operasi bisnes Kumpulan merangkumi beberapa buah negara termasuk Malaysia, Singapura, Indonesia, Brunei, Australia, Thailand, Kemboja dan Bangladesh.

Syarikat-syarikat pelaburan utama JCorp, Kulim (Malaysia) Berhad, KPJ Healthcare Berhad, QSR Brands (M) Holdings Bhd dan Johor Land Berhad, menerajui kepentingan Kumpulan JCorp dalam empat sektor teras, iaitu Agribisnes, Kesejahteraan & Kesihatan, Makanan & Restoran dan Hartanah & Infrastruktur.

Sejak penubuhannya pada tahun 1968, JCorp komited untuk mencapai misi sekaligus menjadi peneraju dalam penciptaan dan pengagihan kekayaan.

Kumpulan JCorp juga komited dalam mendukung amalan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) sejajar dengan mandat dari Kerajaan Negeri untuk memajukan bisnes-bisnes agar kalis dan fokus pada masa hadapan (*‘future-proof and future-focus’*).

JCorp merupakan Organisasi Didorong oleh Nilai (*‘Value-Driven Organisation’*) dengan jumlah aset melebihi RM23 bilion pada akhir TK2021.

Sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Group Corporate Communications

Tel : 07 – 219 2692

Emel : commccd@jcorp.com.my



johorcorporationofficial



johorcorporationofficial



www.jcorp.com.my

3/3